MAHATHIR-BMF
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD ENGGAN MENGULAS LAPORAN TENTANG KEMUNGKINAN PERUBAHAN BESAR DALAM PENGURUSAN BANK BUMIPUTRA DAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) DI HONG KONG BERIKUTAN PEMBUNUHAN PENOLONG PENGURUS BESAR BMF, ENCIK JALIL IBRAHIM DI SANA.

''SAYA TIDAK TAHU KERANA BARU TERBACA MENGENAINYA DALAM AKHBAR PAGI INI .... BAGAIMANA SAYA HENDAK ULAS,'' KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA APABILA DITANYA MENGENAI LAPORAN DALAM AKHBAR HARIAN TEMPATAN MENGENAI PERKARA ITU.

LAPORAN ITU YANG MEMETIK SUMBER-SUMBER YANG ENGGAN NAMANYA DISIARKAN BERKATA BEBERAPA PERUBAHAN BESAR LEMBAGA DAN PENGURUSAN BANK ITU TELAH DIRANCANG SEBELUM PEMBUNUHAN ENCIK JALIL PADA HARI SELASA.

MENURUT HARIAN ITU, NAMA BEBERAPA ORANG CALON UNTUK DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA DAN PENGURUSAN TELAH DISERAHKAN KEPADA PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN.

ALLAHYARHAM ENCIK JALIL TELAH DIHANTAR KE HONG KONG DALAM BULAN FEBRUARI DAN DILAPORKAN UNTUK MENYIASAT PEMBERIAN PINJAMAN $1,000 JUTA OLEH BMF KEPADA TIGA BUAH SYARIKAT HONG KONG.

-- BERNAMA 1753/LK